

MB: Anwar hanya tetamu jemputan, bukan tetamu kehormat
Malaysian Insider
5 September, 2012
Oleh Mohd Farhan Darwis

SHAH ALAM, 5 Sept — Menteri Besar Selangor Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim hari ini menjelaskan tindakan kerajaan negeri menjemput ketua pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim menghadiri majlis sambutan malam ambang Kemerdekaan ke-55 baru-baru ini adalah sekadar tetamu jemputan untuk memberi ceramah, dan bukannya sebagai tetamu kehormat.

Jelas Khalid, Anwar, yang juga penasihat ekonomi kerajaan Pakatan Rakyat Selangor itu, bukanlah tetamu kehormat kerana rekod penganjuran Majlis Sambutan Bulan Kemerdekaan Selangor sejak 2003 hingga tahun ini menunjukkan tetamu kehormat adalah menteri besar sendiri.

"Hanya pada sambutan Kemerdekaan pada 2007 sahaja Sultan Selangor telah mencemar duli untuk turut meraikannya sempena Sambutan Jubli Emas 50 tahun Kemerdekaan.

"Beliau (Anwar) hanya tetamu untuk memberikan ceramah, bukannya tetamu kehormat," kata Khalid ketika sidang media selepas mesyuarat Exco negeri di sini dan menyifatkan isu berkenaan perkara itu telah selesai.

Jelas Khalid lagi, beliau juga tidak pernah melihat sebarang surat menjemput Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah untuk menghadiri majlis sambutan ambang kemerdekaan tersebut dalam sambutan berkenaan untuk tahun-tahun sebelumnya.

"Saya tak pernah nampak surat jemput sultan... kami masih lagi sedang mencari surat tersebut," katanya.

Khalid, yang juga merupakan Adun Ijok, turut menjelaskan tidak timbul isu beliau meletakkan kesalahan kepada Ketua Setiausaha Negeri Datuk Khusrin Munawi, sebaliknya beliau amat menghargai tindakan Khusrin yang telah memberikan penjelasan dalam mesyuarat exco hari ini.

"Saya terima penjelasan Khusrin, dan berterima kasih kepada perkhidmatan yang beliau berikan.

"Kita perlu lakukan perkara ini dengan tertib, adakalanya kita berbincang perkara bukan pokok," tambahnya.

Khalid mendakwa beliau tidak pernah melihat sebarang surat menjemput Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah untuk menghadiri majlis sambutan ambang kemerdekaan tersebut dalam sambutan berkenaan untuk tahun-tahun sebelumnya.

Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah, sebelum ini melalui Setiausaha Sulit baginda Datuk Mohamad Munir Bani, telah mempersoalkan tindakan kerajaan negeri Pakatan Rakyat yang tidak menjemput baginda menghadiri program sambutan ambang Kemerdekaan di Dataran Shah Alam, sebaliknya menjemput Anwar.

Sultan Selangor, bagaimanapun, hanya dijemput untuk majlis bacaan Yasin, tahlil, dan doa selamat sempena sambutan bulan kemerdekaan pada setiap tahun, termasuk tahun ini.

Selangor, bagaimanapun, menafikan meerkas sengaja membelakangi sultan kerana tidak menjemput baginda dalam majlis sambutan ambang Kemerdekaan ke-55 di Dataran Shah Alam pada malam Khamis lalu.

Sebaliknya, kerajaan negeri itu menjelaskan adalah sudah menjadi tradisi dan amalan negeri berkenaan tidak menjemput sultan untuk menghadiri majlis sambutan ambang Kemerdekaan negeri.

"Tapi, sekiranya pada tahun ini baginda berniat untuk mencemar duli turun ke sambutan ambang merdeka, setiausaha sulit baginda Datuk Mohamad Munir Bani perlu memaklumkan kepada kami, tapi tiada sebarang makluman berkenaan perkara itu daripada beliau," jelas Faekah lagi dalam kenyataannya kepada -----The Malaysian Insider sebelum ini.

Malah, beliau turut meluahkan rasa kesal terhadap kenyataan Munir di media yang menunjukkan seolah-olah kerajaan PR Selangor cuba membelakangi sultan.

Munir berkata tindakan oleh PR Selangor itu menimbulkan tanda tanya kerana Anwar tidak menjawat sebarang kedudukan tertinggi di peringkat negeri, sebaliknya hanya bertindak selaku Penasihat Ekonomi negeri.

"Tuanku Sultan melahirkan rasa pelik mengapa Anwar yang tidak berada dalam jawatan tertinggi negeri menjadi tetamu kehormat. Beliau tidak memegang sebarang portfolio rasmi kecuali sebagai Penasihat Ekonomi.

"Kebiasaannya kalau Tuanku tidak dapat hadir dalam program rasmi negeri, Menteri Besar akan menggantikan baginda untuk memberi ucapan," katanya dan menambah, "tetapi mengapa Anwar yang dijemput, ini program rasmi, bukan politik?"

Malah, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak juga turut menegaskan, tindakan kerajaan Selangor yang tidak menjemput Sultan ketika sambutan ambang Kemerdekaan di Dataran Shah Alam bukanlah satu tindakan yang mengejutkan.

Sebaliknya, beliau berkata kerajaan negeri itu juga lebih menghormati Anwar yang tidak mempunyai "locus standi" berbanding sultan Selangor.

"Soal tidak hormat sultan Selangor bukan mengejutkan kita... mereka lebih hormat penasihat ekonomi yang tidak ada locus standi," tegas Pengerusi Barisan Nasional (BN) itu.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/mb-anwar-hanya-tetamu-jemputan-bukan-tetamu-kehormat/>